

08/01/2001

Pemuda Umno muncul wira dalam diam

Jamhariah Jaafar; Zulkofli Jamaluddin; Munaarfah Abu Bakar SELEPAS dikritik teruk dan diberi pelbagai gelaran termasuk bacul, pondan dan lembik, Pergerakan Pemuda Umno, menutup mulut semua pengkritik apabila berjaya memujuk Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-Persatuan Cina Malaysia (Suqiu) duduk berbincang, dan akhirnya menggugurkan tuntutan yang mencetuskan ketegangan antara kaum, terutama Melayu dan Cina, sejak kebelakangan ini.

Ketegangan yang mencetus kebimbangan dan dibayangi tragedi 13 Mei 1969, menyaksikan tindakan dan usaha keras Pemuda Umno serta semangat kerjasama Suqiu untuk meleraikan pertelingkahan itu, patut diberi pujian kerana ia mencatatkan satu lagi sejarah dalam hubungan antara kaum di negara ini.

Tetapi lebih penting, kejayaan memadamkan api perkauman itu pada kala negara mengalami krisis politik yang semakin meruncing, turut memberi imej baru kepada Pemuda Umno yang mengalami krisis identiti sejak Datuk Hishammuddin Hussein menjadi ketuanya, Mei lalu.

Selama ini, Pemuda Umno diperlekehkan dengan tindakan yang dianggap tidak wajar dalam menangani pelbagai isu yang melanda negara sejak akhir-akhir ini. Apabila Suqiu meraikan ulang tahun 83 tuntutannya pada Ogos lalu, Pemuda Umno dikritik kerana cuba menjadi hero dengan membuat demonstrasi di hadapan Dewan Perhimpunan Cina Selangor, Ogos lalu.

Tindakan Pemuda Umno itu dianggap keterlaluan dan tidak mencerminkan kepemimpinan yang bijak, dan pergerakan itu terutama Naib Ketuanya, Datuk Aziz Sheikh Fadzir, dikritik dan dipaksa memohon maaf kepada bangsa Cina atas tindakan berkenaan.

Selepas itu, Pemuda Umno kelihatan tenggelam dan hanyut dalam isu yang mencabar hak keistimewaan Melayu itu, terutama apabila ia marak dengan hebat pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Kawasan Lunas, Kedah, baru-baru ini.

Pergerakan Pemuda Umno menerima tamparan hebat apabila Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) muncul wira apabila menghadapi Suqiu secara garang dengan mengemukakan pula 100 tuntutan kepada kerajaan sebagai tindakan balas bagi menjamin hak keistimewaan orang Melayu. GPMS semakin lantang apabila turut menganjurkan perhimpunan secara besar-besaran serta merancang untuk mengadakannya di seluruh negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berulang kali mendesak supaya isu menyentuh sensitiviti perkauman ini dipadamkan serta-merta bagi mengelak kejadian tidak diingini. Dr Mahathir dalam perutusan Tahun Baru pula dengan tegas mengatakan tidak ada pihak yang boleh mempertikaikan hak keistimewaan orang Melayu dan isu itu harus dibendung serta-merta.

Pada kala perasaan tidak menentu antara kaum, Pemuda Umno rupa-rupanya dengan senyap sejak 24 Disember lalu, sudah mula membuat perundingan dengan Suqiu.

Pengerusi Suqiu, Quek Suan Hiong berkata, desakan Pemuda Umno supaya membuat perundingan bagi meleraikan kekusutan dan isu yang semakin hangat diperdebatkan, menyedarkan mereka akibat yang bakal menanti. Justeru, 'untuk kebaikan seluruh negara', Quek berkata, Suqiu akur dengan keperluan untuk duduk di meja rundingan.

Ketika rakyat Malaysia sibuk menyambut perayaan Krismas, Tahun Baru dan Aidilfitri, beberapa anggota Pemuda Umno dan wakil Suqiu bekerja keras di meja perundingan dan akhirnya membuat deraf kenyataan bersama untuk mengetepikan semua tuntutan yang membabitkan hak keistimewaan orang

Melayu.

Hishammuddin, yang tidak sanggup lagi terus digelar lembik, turut bekerja keras untuk memastikan persetujuan yang baik dapat dicapai dan diumumkan secepat mungkin, bagi membuktikan kewibawaan diri sebagai pemimpin muda.

Dalam pertemuan pada hari mereka menandatangani perjanjian bersama itu, Jumaat lalu, Hishammuddin dengan keras menegaskan bahawa Pemuda Umno sebenarnya mengambil kira semua kritikan, dakwaan dan tuduhan yang dilemparkan terhadapnya dan pergerakan itu, tidak kira sama pandangan yang diberi itu ikhlas atau sebaliknya.

Baginya, apa yang lebih penting sekarang semua barisan kepemimpinan Pemuda Umno bertekad untuk memastikan episod perit yang dialami sejak akhir-akhirnya tidak berulang.

Justeru, satu perubahan drastik sudah pasti berlaku dalam pentadbiran Pemuda Umno dan jika rakyat ingin mereka memukul 'gendang' dalam semua urusan yang dibuat, maka itu juga yang akan dilakukan.

Bagaimana pun, tegas Hishammuddin: "Yang penting sekarang bukan untuk menjawab semua tuduhan yang dilempar dan dihala kepada Pemuda Umno tetapi ialah untuk kita teruskan agenda kerja kita. Lama kelamaan, insya-Allah, kita dapat yakinkan ahli kita dan generasi muda, khususnya bahawa Pemuda Umno mampu berjaya merealisasikan ekspresi serta prestasi. Ini adalah masa untuk Pemuda Umno bangkit semula."

Beliau tidak dapat lari daripada melahirkan kekecewaan kerana begitu ramai pihak mempertikai pendirian dan komitmen Pemuda Umno terhadap usaha mempertahankan hak keistimewaan orang Melayu, sedangkan pergerakan itu sudah menegaskan pendirian mereka sebaik saja isu berkenaan timbul semula pada Ogos lalu.

Hishammuddin juga enggan Pemuda Umno disamakan dengan GPMS yang dilihat lebih agresif dalam pendekatan menangani isu Suqiu, kerana baginya apa yang penting ialah matlamat.

"Seperti kata pepatah, ular menyusur akar tidak akan hilang bisanya," katanya yang kelihatan mula bertegas dalam menangani pelbagai soalan yang berbaur kritikan terhadap kepemimpinannya.

"Terserah kepada individu untuk nilai kepemimpinan seseorang, paling penting ialah matlamat. Jika matlamat yang dapat dikecap itu lagi penting daripada imej dan apa yang dilihat terhadap jawatan yang dipegang, maka itu yang akan kita utamakan," katanya.

Bagaimanapun, beliau mengakui imej Pemuda Umno yang tercemar perlu dibersihkan dan dipulihkan secepat mungkin. Kerjasama lebih rapat perlu diwujudkan bagi menutup mulut semua yang mengkritik mereka.

"Bagaimana kita dapat bangkitkan semula komitmen dalam masa yang singkat ini, bukan satu perkara yang mudah. Ia bukan dapat diselesaikan dalam sekelip mata, sebaliknya memerlukan komitmen dan kesungguhan.

"Banyak perkara perlu diselesaikan sekarang. Saya sendiri perlu seimbangkan antara jawatan menteri dan Ketua Pemuda. Saya akan buat beberapa perubahan. Ketika ini banyak teguran yang dilemparkan, yang membina diterima baik dan yang tidak berasas akan turut dilihat asasnya," katanya.

Beberapa anggota Exconya juga memberikan komitmen untuk bekerja lebih keras demi memulihkan imej tercemar, serta memastikan semua kritikan yang dilemparkan selama ini dapat dipadam dengan pelbagai usaha untuk menyatukan semula bangsa Melayu yang kini semakin berpuak-puak.

Rata-rata mengaku pada peringkat awal, Hishammuddin mengalami kesukaran untuk membentuk satu pasukan kerja yang mantap berikutan ketiadaan 'chemistry' di kalangan anggota Exco pergerakan itu.

"Tidak seperti dulu, barisan Exco Hishammuddin terdiri daripada orang perseorangan bukan daripada kumpulan yang memang menjadi penyokongnya

sejak dari awal, justeru, tiada `chemistry' di kalangan anggota dan menyukarkan kerjasama lebih erat.

"Bagaimana pun, pengalaman perit yang dialami ini menyedarkan kami mengenai betapa perlu kerjasama lebih erat sesama barisan pemimpin. Pada mesyuarat lalu, semua anggota meluahkan masalah dan perasaan masing-masing terhadap kelemahan serta kekurangan kami.

"Kerana itu, jika masyarakat ingin kami memukul gendang dalam setiap tindakan, maka itulah yang akan kami lakukan sekarang," kata exco pergerakan itu, Wan Khairil Anuar Wan Ahmad.

Ketua Pemuda Negeri Sembilan, Shahziman Abu Mansur, pula membidas golongan yang ingin mencetus perasaan tidak puas hati antara kepimpinan Hishammuddin dan naibnya, Aziz, kerana ia hanya mengeruhkan suasana.

Pengerusi Biro Hal Ehwal Pengguna Pemuda, Affendi Zahari, pula berkata, Pemuda Umno kini menghadapi tugas lebih besar, jika ingin memastikan sedikit kewibawaan yang dikecapi sekarang diteruskan.

Katanya, agenda Melayu membabitkan penyatuan Melayu, perlu menjadi fokus seluruh anggota Pemuda Umno sekarang kerana ia akan menentukan jatuh bangun bangsa Melayu pada masa depan.

Seperti kata Shahziman, Pemuda Umno tidak patut terus dijadikan `kambing hitam' dalam setiap isu yang tercetus, semua pemimpin Melayu sepatutnya bertanggungjawab dalam setiap isu yang menjejaskan hak keistimewaan dan perpaduan Melayu.

(END)